

MINIT MESYUARAT PENOLONG-PENOLONG PENGARAH NEGERI BKK BIL.1/2021
TARIKH : 29 HINGGA 31 MAC 2021
TEMPAT : KSL HOTEL JOHOR BHARU

SENARAI KEHADIRAN :

Bil	Nama	Tempat Bertugas
1	TPjB EDWIN GALAN TERUKI	YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Ibu Pejabat JBPM
2	PKPjB AZLIMIN BIN MAT NOOR	Ketua Seksyen Penguatkuasaan Bangunan Ibu Pejabat JBPM
3	PKPjB MUHAMMAD AZMI BIN ISMAIL	Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Ibu Pejabat JBPM
4	PPjB MUHAMAD SALLEH BIN ABDUL	Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran Ibu Pejabat JBPM
5	PPjB NIK ZULKIFLI BIN IBRAHIM	Ketua Cawangan Program Keselamatan Kesedaran Awam Ibu Pejabat JBPM
7	PgKB I MOHD ZAID BIN GHANI	Ketua Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran Ibu Pejabat JBPM
8	PgKB I HASRIN BIN HASBI	Ketua Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran Ibu Pejabat JBPM

9	PgKB I WAN AHMAD MUKHRIZ BIN WAN MOHAMED	Ketua Cawangan Perakuan Perlesenan Bangunan Ibu Pejabat JBPM
10	PgB TUAN ROSDAN BIN TUAN KOB	Pegawai Cawangan Perakuan Bomba Ibu Pejabat JBPM
10	PgKB II AHMADI BIN MUHAMAD HASAN	Ibu Pejabat JBPM(Urusetia)
11	PgKB II MOHD SUHAIMI BIN MD AKHIR	Ibu Pejabat JBPM(Urusetia)
12	PgB MOHD ASHRAF BIN THOLIBON	Ibu Pejabat JBPM(Urusetia)
13	PB MOHD SHAWAL BIN MOHD YUSOF	Ibu Pejabat JBPM(Urusetia)
14	PgKB I NUR MAHADTDIR BIN MUHAMMAD	PPN JBPM W.P. Kuala Lumpur
15	PgKB I FARID ASYHADI BIN ASSAÁD	PPN JBPM Negeri Selangor
16	PgKB I RAZALI AW MAT SALLEH	PPN JBPM Negeri Johor
17	PgKB I YUSRI BIN MOHD YUSOFF@HASHIM	PPN JBPM Negeri Pulau Pinang
18	PgKB I JEMROS BIN OLIN	PPN JBPM Negeri Sabah
20	PgKB I WAN AHMAD FADILLAH B WAN ABDUL RAHMAN	PPN JBPM Negeri Pahang
21	PgKB I SURIYA BINTI AHMAD	PPN JBPM Negeri Kedah
22	PgKB I SYED AZMAN BIN SYED GHAZALI	PPN JBPM Negeri Perak
23	PgKB II MOHD ZAMRI BIN YUSOB	PPN JBPM Negeri Kelantan
24	PgKB II NIZAM BIN MARLAN	PPN JBPM Negeri Terengganu
25	PgKB II NIK MOHD FADHIL BIN SALLEH	PPN JBPM Negeri Sembilan
26	PgKB II ZULKIFLI BIN NORDIN	PPN JBPM Negeri Melaka
27	PgB FADHLUL WAFI BIN KEYA NORDIN	PPN JBPM W.P. Putrajaya
28	PgB MOHD RASHIDI BIN AWANG JAMAN	PPN JBPM W.P. Labuan
29	PgB MOHAMAD AZHAR BIN YUSOFF	PPN JBPM Negeri Perlis

Tidak Hadir Dengan Maaf:

1.	PPjB Tiong Ling Hii	Ketua Cawangan Perakuan Bomba JBPM
2.	PgKB I Mohamad Fauzi Bin Mohamat Kifli	PPN JBPM Negeri Sarawak

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
1	UCAPAN ALUAN YS Pengerusi 1.1 YS Pengerusi mengalu-alukan kehadiran penolong- penolong pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran dan mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang diberikan oleh tuan rumah, BKK JBPM Negeri Johor atas penganjuran mesyuarat PPN BKK bil.1/2021. Meminta semua pegawai mengambil berat mengenai mesyuarat penolong-penolong pengarah. 1.2 YS Pengerusi mesyuarat mengingatkan bahawa Bahagian Keselamatan Kebakaran sangat penting. Pengerusi berharap semua pegawai kanan termasuk PPN Negeri melihat semula hala tuju bahagian keselamatan kebakaran agar fire Safety dapat dilaksanakan. 1.3 YS Pengerusi mengingatkan semua pegawai yang hadir untuk mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan dalam mencegah penularan virus. 1.4 YS Pengerusi juga menyeru kepada semua pegawai agar memahirkan diri dalam aspek 3E iaitu <i>engineering, enfocment dan education</i> supaya bahagian ini lebih dipercayai. 1.5 YS Pengerusi juga memaklumkan terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh PEMUDAH. Namun begitu ianya dapat diselesaikan dan diharapkan isu kelewatan dan aduan sebegini tidak berbangkit. 1.6 YS Pengerusi juga memaklumkan aktiviti semakkan dan kajian pelan mesti dilaksanakan dengan teliti dan sebaik mungkin bagi mengelakan isu berbangkit seperti kes yang berlaku di JBPM Kedah melibatkan kebakaran Hotel Andaman. Ekoran daripada isu Hotel Andaman juga, YS Pengerusi meminta agar setiap pelan yang dikaji perlu dilakukan oleh pegawai yang lebih layak dan berpengalaman	

	1.7 YS Pengerusi meminta agar setiap pegawai BKK mempunyai leadership skill dan management bagi menjadikan organisasi lebih berdaya saing. 1.8 YS Pengerusi meminta agar mesyuarat PPN yang akan datang membentangkan isu-isu yang berkaitan negeri-negeri. Contoh terkini isu kebakaran Hotel Andaman JBPM Negeri Kedah, serta kebakaran Hospital Tuanku Aminah JBPM Johor dan Isu Servis Apartment JBPM Pulau Pinang. 1.9 YS Pengerusi juga mengingatkan kepada semua pegawai BKK agar sentiasa berintegriti dan menjalankan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab. Kes-kes melibatkan isu integriti seperti kes yang berlaku di JBPM Labuan (Isu Fire Door) diharapkan tidak akan berlaku lagi. Tindakan : Makluman	
	YS Pengerusi meminta Pegawai baru dari Ibu Pejabat dan PPN baru untuk memperkenalkan diri kepada semua ahli meysuarat. 1. PgKB I Dr Zaid bin Abdul Ghani - KC Piawaian Keselamatan Kebakaran 2. PgKB II Ahmadi bin Muhamad Hasan - Cawangan Kesedaran Awam 3. PgKB II Suhaimi bin Md Akhir - Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran 4. PgB Mohd Ashraf bin Tholibon - Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran 5. PgKB II Nik Mohd Fadhil Bin Salleh - PPN JBPM Negeri Sembilan. Tindakan : Makluman	

2	PERKARA BERBANGKIT	MAKLUMBALAS
	2.1 Perkara 2.3 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020 : Perintah Tetap Cawangan Perlesenan KC PPB memaklumkan pindaan telah selesai dan akan dibentangkan semula di Ibu Pejabat untuk mendapat kelulusan. Tindakan : Makluman 2.2 Perkara 2.4 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020 : Penggunaan One Way Doorknob bagi tangga terlindung KC PKK memaklumkan dalam peruntukan UBBL membenarkan penggunaan one way doubleknob. YS pengerusi meminta mengkaji semula standart yang digunakan. Tindakan : Makluman 2.3 Perkara 2.5 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020 : Jarak Fire Fighting Lobi tidak melebihi 60m YS Pengerusi memaklumkan perkara ini telah dimasukkan dalam UBBL pindaan. Tindakan : Makluman 2.4 Perkara 3.1 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020 : Hospital Tuanku Aminah JBPM Johor. Mesyuarat dimakluman bagi kes kebakaran kedua bangunan hospital tuanku Aminah, bangunan tersebut Bukan Premis Ditetapkan.	

	YS Pengerusi meminta setiap perubahan keadaan yang akan dijalankan oleh pihak Hospital hendaklah mengemukakan pelan terlebih dahulu. BKK Ibu Pejabat akan mengeluarkan garis panduan keselamatan kebakaran bagi hospital. Keperluan Pepasangan Keselamatan Kebakaran bagi hospital telah dimasukkan dalam UBBL Pindaan 2020. Tindakan : KC /PKK 2.5 Perkara 3.2 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020 : Stadium Mesyuarat dimaklumkan terdapat 3 kes telah dibawa ke peringkat siasatan. Tindakan : Makluman 2.6 Perkara 3.5 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020: Perkhidmatan dan konsultasi di kaunter BKK YS Pengerusi mengingatkan kepada semua pegawai BKK (Ibu Pejabat dan JBPM Negeri) supaya tidak membenarkan sebarang perkhidmatan/ urusan di kaunter kecuali jika ada keperluan mendesak perkhidmatan di kaunter boleh dilaksanakan dengan mengisi borang dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu. Perkara ini juga dipanjangkan pelaksanaanya di peringkat JBPM Negeri. Tindakan : Makluman	
--	--	--

	2.7 Perkara 3.7 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020: Projek yang melibatkan PBA YS Pengerusi mengarahkan BKK Negeri agar memastikan semakan yang lengkap dibuat ke atas plan yang terlibat dengan PBA agar pelan yang sampai ke Ibu Pejabat tidak mendapat ulasan yang berulang. Memastikan PSP mahir dengan apa yang ingin dibentangkan merujuk kepada pelan. Tindakan : PPN / KCPKK 2.8 Perkara 3.9 Mesyuarat PPN BKK Zoom Bil 2/2020: Pemakaian dan penggunaan UBBL 1984 (pindaan 2012) di Negeri. YS Pengerusi sekali lagi mengingatkan kepada semua PPN Negeri supaya mewajibkan penggunaan UBBL 1984 (pindaan 2012). Tindakan : Makluman 2.9 Perkara 2.3 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020:Pendaftaran Kontraktor Keselamatan Kebakaran (Fire Safety Contractor) YS Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju berkenaan Pendaftaran Kontraktor Keselamatan Kebakaran dan Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan memaklumkan perkara ini akan dimasukkan ke dalam pindaan akta. Tindakan : Makluman 2.10 Perkara 2.5 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Hotel “ Kapsul” YS Pengerusi meminta supaya BKK JBPM Negeri Selangor supaya menyemak semula status Kapsul Hotel di KLIA 2. Tindakan : PPN Selangor	
--	--	--

	2.11 Perkara 2.7 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Format Surat Pelepasan Pasif (G8) dan Aktif (G9) YS Pengerusi mengarahkan Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran menyemak semula istilah Pasif (G8) dan Aktif (G9) di dalam surat Pelepasan. Tindakan : KCPKK 2.12 Perkara 2.8 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Pemasangan SPKA YS Pengerusi memaklumkan JBPM masih menunggu keputusan daripada pihak Kementerian berhubung perantikan Syarikat yang akan mengendalikan sistem tersebut. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa tiada tempoh interim bagi syarikat ISCADANet. Tindakan : Makluman 2.13 Perkara 2.13 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Premis yang tidak Mempunyai Pelan YS Pengerusi memutuskan premis yang tiada pelan bagi membuat permohonan FC, perlu menghantar pelan yang lengkap. Sketch drawing adalah tidak dibenarkan. Bagi bangunan kilang kelapa sawit adalah tidak perlu Sijil Perakuan FC. Tindakan : Makluman 2.14 Perkara 2.14 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Portable Petrol Pump Garis panduan permohonan portable Contena system akan dibentangkan kepada YS Pengarah oleh ketua Cawangan Perakuan Perlesenan Bangunan. YS Pengerusi mengarahkan sebarang kelulusan berkaitan Portable Contena system hendaklah mendapat kelulusan daripada Ibu Pejabat. Tindakan : KC/PB	
--	--	--

	2.15 Perkara 3.6 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Surat Tiada Halangan Bagi Rumah Kongsi YS Pengerusi mengarahkan hanya surat tiada halangan sahaja yang akan dikeluarkan dan meminta PSP mengemukakan surat pelepasan tanggungjawab sekiranya bangunan melebihi 2 tingkat. Tindakan : Makluman 2.16 Perkara 3.12 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Senarai Pegawai OSC YS Pengerusi memaklumkan PgB Amiruddin Shukri bin Omar akan menggantikan PgKB II Na Khom sebagai pegawai OSC di peringkat Ibu Pejabat. YS Pengerusi juga mengarahkan PPN Negeri supaya mengemukakan senarai pegawai OSC yang terkini dan memastikan tidak berlaku kelewatan di dalam membuat ulasan. Tindakan : Makluman / PPN Negeri 2.17 Perkara 4.2 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Bless YS Pengerusi mengarahkan Ketua Cawangan Perakuan Bomba supaya membuat pemantauan yang lebih berkesan terhadap Sistem Bless dan segera memaklumkan kepada JBPM Negeri sekiranya terdapat isu yang berkaitan. Tindakan : KCPB	
--	--	--

	2.18 Perkara 4.5 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Pembatalan Program ERT YS Pengerusi memaklumkan bahawa program ERT telah dibatalkan dan digantikan dengan program dan aktiviti OKK. Tindakan : Makluman 2.19 Perkara 5.3 Mesyuarat PPN BKK Bil 1/2020: Program Summer Camp YS Pengerusi mengarahkan JBPM Negeri Selangor bagi melaksanakan program CSR (Program Summer Camp) dengan kerjasama dan penglibatan daripada syarikat pengilang/pembekal/pengedar alat pemadam api. Program ini juga dipanjangkan kepada JBPM Negeri yang lain dengan syarat membuat perbincangan awal dengan BKK Ibu Pejabat. Tindakan : PPN/ PPN Selangor	
--	---	--

3	PERKARA PERBINCANGAN	MAKLUMBALAS
	Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran 3.1 YS Pengerusi Mesyuarat memaklumkan sebarang kelewatan berkaitan semakan pelan akan dimaklumkan kepada JBPM melalui mesyuarat PEMUDAH oleh PAM dan IEM. Tindakan : Makluman 3.2. YS Pengerusi mengarahkan supaya setiap pegawai menyemak dengan lebih terperinci perkara-perkara berikut semasa semakan pelan dibuat : 3.2.1 Punca kuasa elektrik bagi sistem pam yang digunakan dan menyemak lukisan skematik punca kuasa bagi sistem pam (generator/diesel). 3.2.2 Menyemak semula kombinasi pam antara sistem. 3.2.3 Menyemak semula jarak breaching inlet dengan pili bomba merujuk MS 1183-2015.	

	3.2.4 Mematuhi piagam pelanggan yang telah ditetapkan Tindakan : KCPKK / PPN Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran 3.3 YS Pengerusi mengarahkan supaya Cawangan terlibat supaya mengemaskini maklumat dalam sistem e-Feis, selain dari itu cawangan juga perlu menyemak dan mendapatkan maklumat berkenaan punca kegagalan kontraktor dalam pemeriksaan alat pemadam api. Tindakan : KC pdKK / PgKB II Mohd Suhaimi bin Md Akhir 3.3.1 YS Pengerusi juga memaklumkan kursus <i>Competent Person</i> Alat pemadam Api akan diuruskan oleh pihak KOBOPM. Tindakan : Makluman Cawangan Perakuan Perlesenan Bangunan 3.4 YS Pengerusi memaklumkan supaya tiada pengeluaran lesen bagi Sekolah Tahfiz. Sekiranya ada keperluan bagi pengeluaran lesen, kajian menyeluruh perlu di adakan. Tindakan : Makluman 3.5 YS Pengerusi memaklumkan hanya pemeriksaan sistem keselamatan kebakaran sahaja akan dilaksanakan di Sekolah Tahfiz atau Pondok. YS Pengerusi menyarankan agar pegawai memberi khidmat nasihat kepada pengurusan sekolah sekiranya terdapat teguran dari aspek keselamatan kebakaran. Tindakan : Makluman		
--	--	--	--

	3.6 YS Pengerusi mengarahkan BKK JBPM Kuala Lumpur untuk membuat pemeriksaan semula di Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah supaya dapat mencegah perkara yang sama dari berulang. Tindakan : PPN KL 3.7 YS Pengerusi memaklumkan sekiranya premis mempunyai Perakuan Bomba yang masih berkuatkuasa pemeriksaan bagi tujuan pelesenan tidak perlu dibuat. Tindakan : Makluman 3.8 YS Pengerusi mengarahkan BKK JBPM Selangor menyemak pelan berkenaan stesen minyak yang mempunyai restoran KFC (Di USJ 18). Tindakan : PPN Selangor 3.9 YS Pengerusi memaklumkan Sistem e-Lesen akan ditambah baik dalam masa terdekat. Tindakan : Makluman 3.10 YS Pengerusi memaklumkan bahawa bagi penyewaan premis di bangunan yang tidak mempunyai CCC dan FC sokongan pelesenan, JRP atau Star Rating adalah tidak dibenarkan. Tindakan : Makluman		
--	---	--	--

	Cawangan Program Keselamatan Kesedaran Awam 3.11 YS Pengerusi mengarahkan setiap aktiviti berkaitan Bahagian Keselamatan Kebakaran hendaklah di war- warkan di Facebook, Twitter. Sekiranya applikasi tidak ada sila wujudkan. YS Pengerusi mengarahkan setiap gambar aktiviti dimasukkan di dalam Facebook dan Twitter. Tindakan : KC / PPN 3.12 YS Pengerusi dimaklumkan oleh KC PKKA bahawa 2000 buah rumah akan menerima alat pemadam api pada tahun ini bagi program Satu Rumah Satu Alat Pemadam Api (RAPI). YS Pengerusi mengarahkan semua PPN negeri menyenaraikan bilangan rumah di setiap negeri bagi tujuan membuat perbelanjaan kewangan bagi pembelian Alat Pemadam Api. Tindakan : KC PKKA 3.13 YS Pengerusi mengarahkan bagi Program Kesedaran Keselamatan di Air hendaklah memfokuskan di sekolah- sekolah berhampiran kawasan pantai/laut. Tindakan : KC PKKA 3.14 KC PKKA memaklumkan satu program akan diadakan berkaitan keselamatan kebakaran di rumah dan di air yang akan dilaksanakan oleh JBPM Negeri Pahang, Kuala Lumpur, Johor dan Sabah yang melibatkan bahagian keselamatan kebakaran dan operasi dijangka selama satu hari. Tindakan : Makluman		
--	--	--	--

	3.15 KC PKKA memaklumkan satu konvensyen akan di adakan yang melibatkan Bomba Komuniti, Skuad Bomba dan juga Kelab 3K. Program ini akan dijalankan di JBPM Pulau Pinang, JBPM Kelantan, JBPM Selangor dan JBPM Sarawak. Tindakan : Makluman 3.16 KC PKKA menetapkan sasaran bagi Bomba Komuniti iaitu setiap balai mendaftarkan 2 pasukan bomba komuniti yang baru. Tindakan : PPN Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran 3.17 YS Pengerusi mengarah KC PBK mengadakan perbincangan dengan Komandan Akedemi Bomba Wilayah Tengah berkaitan Kursus Penghapusan Bahaya Kebakaran dan Perakuan Bomba. Kursus melibatkan semua pegawai kanan berkaitan penulisan Notis MBK. 3.17.1 YS Pengerusi mengarahkan KC PBK mengkaji semula sasaran yang ditetapkan supaya dapat dicapai. 3.17.2 YS Pengerusi mengarahkan KC PBK mengambil tindakan terhadap pengeluar/pembekal pintu api berkaitan isu aduan di Bangunan Shamelin. Tindakan : KC PBK Cawangan Perakuan Bomba 3.18 YS Pengerusi memaklumkan hasil keputusan kerajaan memperuntukkan RM 600,000.00 untuk lukisan pelan bagi bangunan hospital yang akan melakukan pengubahsuaian maka KC PB diarahkan supaya menyediakan senarai hospital yang akan membuat kerja-kerja pengubahsuaian.		
--	--	--	--

	3.18.1 YS Pengerusi mengarahkan KC PB mengkaji cara bagaimana meningkatkan statistik Pencapaian Perakuan Bomba dan perlu diambil tindakan bagi bangunan kerajaan. Tindakan : KC PB Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran 3.19 YS Pengerusi mengarahkan KC PiKK menyenaraikan piawaian- piawaian yang digunakan jabatan serta membuat edaran ke negeri-negeri. 3.20 Mesyuarat dimaklum bagi “Fire Fighting Pump” perlulah mendapatkan Sijil pemasangan C1, C2 dan C3 dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan sebelum pemeriksaan CCC/TCF dijalankan.YS Pengerusi mengarahkan KC PiKK membuat edaran berkaitan perkara ini kepada semua JBPM Negeri, konsultan, pembekal serta pihak yang berkenaan. 3.21 KC PiKK memaklumkan kursus berkaitan sistem pemasangan tetap gas FM 200 akan di diadakan. Seramai 120 orang peserta akan di jemput menghadiri kursus. Tindakan : KC/PPN		
--	--	--	--

4.	HAL-HAL LAIN	
	4.1 PPN BKK JBPM Kelantan mencadangkan supaya diadakan mesyuarat Pegawai Perakuan Keselamatan Kebakaran sekali setahun. YS Pengerusi memaklumkan jika ada keperluan mesyuarat tersebut boleh diadakan. Tindakan : Makluman 4.2 Penggunaan Kontena untuk dijadikan bilik hotel adalah tidak dibenarkan kerana tiada piawaian atau standard/UBBL yang boleh diguna pakai. Tindakan : Makluman 4.3 YS Pengerusi meminta PPN BKK JBPM Sabah membuat kajian terperinci sebelum menyerahkan proses perlesenan ke balai- balai. Tindakan : PPN Sabah 4.4 Garis panduan bagi bangunan warisan <i>Heritage Building</i> akan dibentangkan dalam masa terdekat. Tindakan : Makluman 4.5 PPN BKK Labuan di arahkan memberi khidmat nasihat kepada Jabatan Perikanan berkenaan permohonan menggunakan Alat Pemadam Api. Tindakan : PPN Labuan	

	4.6 Isu pemasangan panel solar pada bangunan masih di peringkat perbincangan untuk membuat garis panduan. Tindakan : Makluman 4.7 Isu hotel pekerja sementara hendaklah mengikut pekeliling dari KPKT dan hanya surat tiada halangan sahaja akan dikeluarkan. Tindakan : Makluman 4.8 PPN BKK Kuala Lumpur memaklumkan Petrol Unit akan diwujudkan di JBPM Kuala Lumpur bertujuan menjalankan task force Penghapusan Bahaya Kebakaran dan Perlesenan. YS Pengerusi mengarahkan PPN BKK mengkaji dahulu supaya tidak melangkauwi fungsi setiap bahagian. Tindakan : PPN KL/Makluman 4.9 Isu sewaan Spanco YS Pengerusi meminta PPN negeri memberi/menghantar maklumat semula. Tindakan : PPN Negeri	
--	---	--

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.00 petang 31.3.2021. Mesyuarat PPN BKK Bil.2/2021 dicadang diadakan di Negeri Perak. Disediakan oleh urusetia Mesyuarat PPN BKK.